

RM1.85j kukuhkan benteng pantai

SHAH ALAM – Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM1.85juta tahun ini bagi memperkukuhkan benteng pantai manakala RM1.25juta untuk rancangan pemeliharaan dan pemuliharaan pantai serta muara.

Exco Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Datuk Dr Hasan Mohamed Ali berkata, negeri ini

mempunyai 41 muara sungai dengan panjang keseluruhan pantai adalah 291 kilometer (km)

“Pantai terhakis yang memerlukan tindakan kawalan adalah sepanjang 151.9km dengan anggaran kos sebanyak RM3.5juta bagi setiap 1km panjang,” katanya menjawab pertanyaan **Datuk Mohd Shamsudin Lias (BN-Sungai Burong)**.

Menurutnya, pengawalan hakis-

an ban dan benteng di muara sungai merupakan satu cabaran bagi Kerajaan Negeri dalam memastikan keselamatan nyawa dan harta benda masyarakat.

Hasan berkata, Kerajaan Negeri menyedari keperluan bagi menangani masalah itu dan mengambil langkah mengemukakan permohonan peruntukan dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).